


# SK Sungai Bedaun Cipta Sejarah Rangkul 3 Anugerah

**12 September –** Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun merangkul tiga anugerah sempena sambutan Perarakan dan Perbarisan Hari Malaysia 2017 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di Dataran Labuan pada 10hb September 2017.

Paling manis, SK Sungai Bedaun telah dinobatkan sebagai Kontinjen Terbaik Keseluruhan dan menjadi sejarah Kontinjen Sekolah Rendah pertama yang meraih anugerah tersebut.

SK Sungai Bedaun juga muncul sebagai johan kategori Sekolah Rendah, selain membawa balik trofi Kategori Pakaian Terbaik.

Guru Besar SK Sg Bedaun, Puan Dg Sarifah A.Mahmod menzahirkan rasa syukur di atas kemenangan ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, terima kasih kepada 33 orang murid selaku peserta perbarisan yang bertungkus-lumus sehingga berjaya mengharumkan nama sekolah.

Begitu juga penghargaaan kepada guru-guru yang terlibat iaitu Cikgu Muhammad Rosli Yusoff, Cikgu Noor Farehin Mohd.Yusof dan ibu bapa yang melatih serta memberikan sokongan padu kepada kontinjen SK Sungai Bedaun.

SK Sungai Bedaun juga telah muncul sebagai johan perbarisan kategori sekolah rendah, di temasya Kejohanan Balapan dan Padang Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan 2017.

Jabatan Pendidikan WP Labuan mengucapkan Syabas dan Tahniah di atas kemenangan ini yang telah mengharumkan nama sekolah dan Pendidikan Labuan. Teruskan kecemerlangan !


Segak bergaya kontinjen perbarisan SK Sungai Bedaun

**Sumber Berita : SK Sungai Bedaun**